



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI APRIL 2026

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi April 2026. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik bulanan yang melibatkan kira-kira 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi di seluruh negara.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Sejak pelancarannya pada Ogos 2020, BDCB telah menyemak metodologi BSI bagi meningkatkan keteguhan, konsistensi dan nilai analisis indeks. Walaupun skala BSI adalah 0 hingga 100 di bawah metodologi sebelumnya, formula pengiraan yang digunakan hanya menghasilkan nilai indeks antara 49.0 dan 51.0. Dengan pengemaskinian ini, metodologi BSI membolehkan penggunaan skala 0.0 hingga 100.0 sepenuhnya, dengan tahap neutral kekal pada 50.0. Perubahan ini seterusnya meningkatkan sensitiviti indeks, sekali gus membolehkan tafsiran yang lebih jelas dan tepat terhadap pergerakan indeks.
4. Pengemaskinian ini tidak menjejaskan tafsiran ekonomi bagi hasil terdahulu, memandangkan sentimen asas yang diukur oleh indeks tersebut kekal tidak berubah. Bagi memastikan konsistensi dan kebolehbandingan, data BSI terdahulu telah dikira semula menggunakan metodologi baharu dan diterbitkan dalam Buletin Statistik yang terdapat di laman web BDCB.
5. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

6. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan, berada pada 63.3 pada April 2026 berbanding dengan 76.2 pada Mac 2026, menunjukkan bahawa perniagaan secara amnya kekal optimistik terhadap keadaan perniagaan, meskipun menurun berbanding bulan sebelumnya. Perniagaan dalam beberapa sektor secara umumnya menjangka peningkatan aktiviti berikutan musim perayaan, disokong oleh penyambungan semula operasi, pengurangan gangguan akibat cuti, serta momentum berterusan daripada projek yang sedang berjalan dan yang baharu. Walau bagaimanapun, ini diimbangi oleh sentimen negatif yang dialami oleh sektor seperti Perdagangan Borong dan Runcit yang menjangka kelembapan dalam permintaan pengguna. Sentimen turut terjejas oleh keadaan pasaran yang sederhana serta tekanan kos yang meningkat akibat peningkatan kos input dan logistik. Indeks satu bulan ke hadapan berada pada 50.6, menunjukkan bahawa keadaan perniagaan dijangka kekal hampir sama pada Mei 2026 berbanding April 2026.
7. Sub-indeks Pelaburan berada pada 70.4 bagi indeks bulan semasa, 79.0 bagi indeks satu bulan ke hadapan dan 78.5 bagi tiga bulan ke hadapan, mencerminkan jangkaan pelaburan yang kukuh secara keseluruhan. Aktiviti pelaburan dijangka akan tertumpu kepada menaik taraf aset tetap dan peralatan, pengembangan infrastruktur, kerja-kerja pengubahsuaian, serta perbelanjaan berterusan dalam teknologi dan perbelanjaan modal berkaitan projek, termasuk persediaan bagi projek baharu dan untuk menyokong peningkatan dalam aktiviti perniagaan. Para peniaga juga merancang untuk meningkatkan pembelian inventori, sebahagiannya sebagai tindak balas terhadap peningkatan kos input dan jangkaan permintaan, di samping pelaburan dalam penaiktarafan teknologi dan melatih pekerja.
8. Sub-indeks Pekerjaan mencatatkan nilai 43.6 bagi bulan semasa dan 44.6 bagi indeks satu bulan ke hadapan, menunjukkan penurunan aktiviti pengambilan pekerja secara umum. Penurunan ini sebahagian besarnya didorong oleh penyusutan semula jadi (natural attrition), terutamanya akibat peletakan jawatan serta kontrak yang tamat atau tidak diperbaharui, termasuk pekerja asing. Beberapa perniagaan juga menyatakan perancangan untuk tidak mengganti pekerja dengan segera, mencerminkan pendekatan pengambilan pekerja yang lebih berhati-hati.
9. Sub-indeks Kos Perniagaan berada pada tahap 79.8 bagi bulan semasa dan 72.5 bagi indeks satu bulan ke hadapan, menunjukkan bahawa perniagaan menjangka kos operasi akan terus meningkat dalam tempoh terdekat. Kenaikan kos didorong terutamanya oleh peningkatan harga bahan mentah dan bahan diimport serta peningkatan kos pengangkutan dan penghantaran yang mengambil kira harga bahan api yang lebih tinggi. Perkembangan global dan geopolitik, khususnya di Asia Barat, turut menyumbang kepada gangguan bekalan serta tekanan kos merentasi rantaian bekalan bahan mentah dan logistik. Pada masa yang sama, peningkatan perbelanjaan operasi, termasuk kos pembayaran gaji, penambahan semula inventori, serta perbelanjaan berkaitan projek, turut menyumbang kepada kenaikan kos secara keseluruhan.

BSI April 2026	
<b>Keadaan Perniagaan</b>	<b>63.3</b>
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan	70.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	79.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	78.5

Pengambilan Pekerja	43.6
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	44.6
Kos Perniagaan	79.8
Kos Satu Bulan ke Hadapan	72.5

10. Dari segi sektor ekonomi:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Kesihatan & Pendidikan	81.2	Peningkatan bilangan pesakit selepas musim perayaan.
	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	69.9	Margin produk meningkat dan keadaan bekalan yang lebih ketat, di samping jangkaan peningkatan jumlah jualan dan harga, sebahagiannya mencerminkan ketegangan geopolitik yang berterusan di Asia Barat.
	Pembinaan	66.0	Kerja-karya berskala kecil yang berterusan, projek dan pelanggan baharu, di samping aliran tunai yang bertambah baik hasil daripada penerimaan bayaran. Sentimen positif turut disokong oleh keadaan cuaca yang semakin baik.
	Hotel & Restoran	58.2	Kadar tempahan hotel yang lebih tinggi bagi penginapan dan dewan acara, di samping permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan katering dan makanan bawa pulang.
	Kewangan & Insurans	55.9	Peningkatan sumbangan takaful serta aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi, termasuk pengeluaran pembiayaan berkaitan projek.
Tiada Perubahan	Perkhidmatan Swasta Lain	53.8	Momentum operasi yang lebih kukuh, projek baharu, serta peningkatan permintaan bagi utiliti, logistik, dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, ini sebahagiannya diimbangi oleh kelewatan projek, serta aktiviti yang lebih perlahan bagi perniagaan yang menunggu kontrak atau berdepan kekurangan kerja.
	Hartanah & Pemilikan Kediaman	49.8	Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan yang tidak berubah.

Sentimen Pesimistik	Pembuatan	48.1	Peningkatan pesanan dan pengeluaran, serta penyambungan semula operasi selepas musim perayaan diimbangi oleh kelembapan permintaan selepas perayaan, di samping tekanan daripada peningkatan kos input, kekurangan bekalan, dan persaingan yang semakin meningkat.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	40.8	Peningkatan pengeluaran di kalangan perniagaan kecil, disokong oleh keadaan cuaca yang semakin baik, sebahagiannya diimbangi oleh jangkaan permintaan yang lebih lemah selepas perayaan bagi perniagaan besar.
	Pengangkutan & Komunikasi	26.9	Aktiviti yang lebih rendah semasa tempoh luar musim puncak pelancongan serta pengurangan permintaan berkaitan perjalanan, sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan geopolitik di Asia Barat yang menjejaskan kesalinghubungan penerbangan dan penggunaan perayauan (roaming).
	Perdagangan Borong & Runcit	20.7	Berakhirnya musim kemuncak Hari Raya Aidilfitri, dengan perniagaan melaporkan perbelanjaan pengguna kembali ke tahap normal, di samping tekanan kos yang semakin meningkat.

11. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Kecil	66.3	Operasi dan aktiviti pengguna yang kembali normal, pemerolehan projek baharu dan tender yang meningkatkan kerja-kerja, serta cuaca yang bertambah baik yang menyokong aktiviti luar dan pertanian.
	Besar	64.5	Peningkatan permintaan dan operasi secara meluas, serta prestasi sektor tenaga yang lebih kukuh berikutan gangguan terhadap bekalan tenaga yang meningkatkan margin penapisan dan pemerolehan projek baharu.
No Change	Mikro	49.2	Penyambungan kerja sedia ada dan permintaan yang stabil terhadap barangan dan perkhidmatan.
Pessimistic Sentiment	Sederhana	22.3	Penurunan semula perbelanjaan pengguna memandangkan permintaan kembali ke tahap normal, di samping gangguan bekalan tenaga kepada beberapa perniagaan, peningkatan persaingan import, serta faktor khusus perniagaan.

12. Carta BSI dan sub-indeks sejak Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 29 Zulhijjah 1447H / 15 Jun 2026M

Ruj: BDCB/COMMS/3


**LAMPIRAN 1**

Keadaan Perniagaan




*Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan Ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik /sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*

Pelaburan




*Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.*

*Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.*



*Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.*

*Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya*



*Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.*

*Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.*



